AmBank Islamic

PERBANKAN ISLAM

**AmBank Islamic Berhad** (295576-U)
**AmMoneyLine Facility-i**
**December 2018**

# PRODUCT DISCLOSURE SHEET

**Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to apply AmMoneyLine Facility-i. Be sure to also read the terms and conditions of this product. Seek clarification from us if you do not understand any part of this document or the general terms.**

**1. What is this product about?**

This is an unsecured Shariah-compliant personal financing facility to assist you in meeting your personal consumption needs. It is calculated based on fixed profit rate with fixed instalment payment throughout the financing tenure.

**2. What is the Shariah concept applicable?**

The Shariah Concepts applicable are *Tawarruq*, *Wa'd*, *Murabahah* and *Wakalah*.

*Tawarruq* means an arrangement that involves two sale and purchase contracts. The first involves the sale of the commodity by the Bank to the Customer on deferred payment at cost plus profit basis, whereby the purchase price and the sale price are disclosed to the Customer. Subsequently, the Customer through the Bank as its agent, will sell the same commodity to a third party on cash and spot basis.

*Wa'd* is a unilateral promise whereby the Customer gives a commitment/undertaking to the Bank to perform certain actions in the future according to agreed conditions.

*Murabahah* refers to a sale and purchase of a commodity on deferred basis where the acquisition cost and the mark-up are disclosed to the Customer.

*Wakalah* is a contract in which a party as principal (muwakkil) authorises another party as agent (wakil) to perform a particular task in matters that may be delegated, with or without the imposition of a fee. In this product, you appoint the Bank as your unrestricted agent to perform the *Tawarruq* arrangement.

The *Tawarruq* transaction shall be arranged as the following:

i. You appoint the Bank as your agent to purchase Shariah-compliant commodity such as Crude Palm Oil (CPO), etc. from the Bank; and to sell the commodity to any third party.
ii. The Bank sells the agreed commodity to you at the Bank's Selling Price on instalment. Prior to the execution of this sale, the Bank will issue a notification to you via telephone and/or SMS on the approved amount, the Bank's Selling Price and the tenure of the Facility.
iii. As the purchaser of the commodity, you shall have the right to take delivery of the commodity at your own cost and expenses.
iv. The Bank sells your commodity on your behalf to any third party for a price equal to the Facility Amount.
v. The proceeds of the sale shall be disbursed to you as per the agreed terms and conditions of the Facility.

**3. What do I get from this product?**

- The type of commodity used in this financing is: Shariah-compliant commodity traded in platform approved by AmBank Islamic Berhad.
- Financing amount: Minimum RM2, 000; Maximum RM100, 000.
- Tenure: Minimum financing tenure of 1 year; Maximum financing tenure of 5 years (for income less than RM3,000), and 8 years (for income more/equal RM 3,000).
- Profit Rate: Between 8.00% Flat (14.13% Effective Profit Rate based on 5 years tenure) to 11.99% Flat (20.30% Effective Profit Rate based on 5 years tenure).
- Total Profit: Financing Amount x Flat Profit Rate x Tenure
- E.g.: RM30,000 x 8.50% x 5 Years = RM12,750

**Effective Profit Rate (%)**

| Profit Rate (%) | Tenure (Months) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | 12 | 24 | 36 | 48 | 60 |
| 8.00 | 14.45 | 14.68 | 14.55 | 14.35 | 14.13 |
| 8.50 | 15.34 | 15.55 | 15.40 | 15.17 | 14.92 |
| 9.99 | 17.95 | 18.14 | 17.90 | 17.58 | 17.26 |
| 11.99 | 21.44 | 21.55 | 21.18 | 20.74 | 20.30 |

Note: Profit Rates are fixed for the entire financing tenure. Final amount approved, financing tenure and profit rate are subject to your credit evaluation. Please be advised that the rates above are for illustration purposes only and the final profit rate may vary between 8.00% p.a. to 11.99% p.a.

**4. What are my financial obligations?**

Your obligation is to pay the monthly instalment on timely basis (before or on due date).
The monthly instalment is calculated based on the formula below:

$$M = \frac{L + (L \times R \times T1)}{T2}$$

M - Monthly Instalment; L - Financing Amount; R - Profit Rate; T1 - Tenure In Year; T2 - Tenure In Months

Using the same example as above, instalment to be paid per month is

$$M = \frac{RM30{,}000 + (RM30{,}000 \times 8.50\% \times 5)}{60} = RM712.50$$

**5. What are the fees and charges I have to pay?**

a. Stamp Duty: as per Stamp Act 1949 (Revised 1989). Stamp duty is 0.5% of the financing amount disbursed.
b. Late Payment Charges: Refer Section 6.

**6. What if I failed to fulfil my obligations?**

a) The Bank shall be entitled to impose and demand from you the late payment charges (*ta'widh*) for your failure to make:
- payment of any instalment due and/or sum covenanted to be paid by you to the Bank; and/or
- payment upon expiry or cancellation of the Facility.

The late payment charge will be calculated at the rate below:

1) <u>Prior to maturity</u>
**Late Payment Charges Rate** : 1% per annum calculated on daily basis.
**On the Amount** : (i) On the overdue instalments, to be calculated after the due date until full settlement of the overdue instalments; and/or
(ii) On the outstanding balance, to be calculated from the date of cancellation until full settlement of the outstanding balance.

2) <u>After maturity date</u>
**Late Payment Charges Rate** : Islamic Interbank Money Market ("IIMM") rate per annum calculated on daily basis.
**On the Amount** : On the outstanding balance, to be calculated from the date of maturity until full settlement.

3) <u>After the Bank had obtained court judgment against the Customer</u>
**Late Payment Charges Rate** : At IIMM rate per annum calculated on daily basis from the date of court judgement to the settlement date.
**On the Amount** : On the outstanding balance (excluding legal costs and late payment charges as stated in the judge), to be calculated from the date of judgement until full settlement of the judgement sum.

Note: (i) The late payment charges shall not be compounded.
(ii) Total late payment charges shall not be more than the outstanding principal.
(iii) The late payment charges and the method of calculation thereof are subject to change as may be prescribed by Bank Negara Malaysia.
(iv) Outstanding balance refers to outstanding principal and earned profit.
(v) The late payment charges are cumulative subject to the applicable period.

b) Legal action will be taken if you fail to respond to reminder notices. The Bank has a right to commence any or all of the following recovery activities:-
- Review: The Bank retains the absolute right to review and terminate the Facility granted to you in the event there is any indication the Facility is being used for non-Shariah compliant activities or upon occurrence of any other event of defaults as agreed in the financing agreement.
- Right to set-off: The Bank has the right to set-off any credit balance in your account maintained with the Bank against any outstanding balance in this financing account.
- Foreclosure: Your property may be foreclosed and you will have to bear all costs thereto including but not limited to the cost of engaging third party debt collecting agencies and costs in relation to foreclosure and bankruptcy proceedings. You are also responsible to settle any shortfall after your property is sold.
- Bankruptcy: You may be subject to bankruptcy proceedings if the outstanding amount reaches a certain limit. Repercussions of being adjudged a bankrupt may result in the freezing and confiscation of your assets.

c) Legal action against you may affect your credit rating leading to credit being more difficult or expensive to you.

**7. Do I need to pay any additional fees if I want to settle the financing before its maturity?**

No early settlement fee will be imposed. However, you will need to notify the Bank at least one (1) month in advance in writing at any AmBank Islamic / AmBank branch to facilitate the early settlement process.

**8. Will I be given *Ibra'* (rebate)?**

The Bank will grant *Ibra'* (rebate), if any, on such amount of the balance Asset Selling Price remaining unpaid by you upon full settlement of the Facility in the following scenarios:
(i) Redemption or prepayment of the Facility
(ii) Due to restructuring exercise
(iii) In the case of default by the Customer
(iv) In the event of termination or cancellation of the Facility before the expiry date

*Ibra'* (rebate) will be calculated based on the following formula or any other calculation method or formula as may be prescribed by Bank Negara Malaysia: *Ibra'* (rebate) = deferred profit - early settlement charges

**9. Do I need a guarantor or collateral?**

This facility does not require a guarantor or collateral.

**10. What do I need to do if there are changes to my contact details?**

It is important that you inform us of any changes to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

**11. Where can I get assistance and redress?**

- If you have difficulties in making payments, you should contact us at the earliest time possible to discuss payment alternatives. You may contact us at:
P.O. BOX 12938, 50794 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2178 8888 Fax: 03-2171 3171 E-mail: customercare@ambankgroup.com
Or visit: www.ambank.com.my
- Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counseling and debt restructuring for individuals. You can contact AKPK at:
Tingkat 8, Maju Junction Mall, 1001 Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2616 7766 E-mail: enquiry@akpk.org.my
- If you wish to complain on the products or services offered by us, you may contact us at:
P.O. BOX 12938, 50794 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2178 8888 Fax: 03-2171 3171 E-mail: customercare@ambankgroup.com
Or visit: www.ambank.com.my
- If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may refer the matter to:
(i) BNMLINK
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) & Pejabat Wilayah
Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur
Tel: BNMTELELINK at 1-300-88-5465
E-mail: bnmtelelink@bnm.my
(ii) Association of Islamic Banking Institutions Malaysia
4th Floor, Menara Bumiputra
21 Jalan Melaka 50100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2026 8002
E-mail: staff@aibim.com
(iii) Ombudsman for Financial Services
Level 14, Main Block Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2272 2811
E-mail: enquiry@ofs.org.my

**12. Other Personal Financing packages available:**

AmBank Islamic Personal Financing-i for Government Servants or selected Government related bodies only.

The information provided in this disclosure sheet is valid as at [December 2018].
All calculations and information above are for illustration purpose only. Terms and conditions apply.
Unless stated otherwise, all prices / quotations indicated in this document are exclusive of Taxes, which if applicable shall be borne by you.

Disclaimer: The actual amount of financing to be provided by AmBank Islamic Berhad is dependent upon your credit evaluation by AmBank Islamic Berhad. The transmission of this Product Disclosure Sheet to you does not create any obligation by AmBank Islamic Berhad to grant you any facilities.

**IMPORTANT NOTICE: LEGAL ACTION MAY BE TAKEN AGAINST YOU IF YOU <u>DO NOT</u> KEEP UP PAYMENTS ON YOUR PERSONAL FINANCING.**

# AmBank Islamic

PERBANKAN ISLAM

**AmBank Islamic Berhad** (295576-U)
**Fasiliti-i AmMoneyLine**
**December 2018**

## HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

**Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Fasiliti-i AmMoneyLine. Sila pastikan anda juga membaca terma dan syarat produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am.**

**1. Apakah produk ini?**
Ini adalah kemudahan pembiayaan peribadi patuh Syariah tanpa cagaran untuk membantu anda memenuhi keperluan penggunaan peribadi anda. Ia dikira berdasarkan kadar keuntungan tetap dengan bayaran ansuran tetap sepanjang tempoh pembiayaan.

**2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?**
Konsep Syariah yang diguna pakai adalah *Tawarruq, Wa'd*, *Murabahah* dan *Wakalah*.

*Tawarruq* bermaksud satu aturan yang melibatkan dua perjanjian jual beli. Perjanjian jual beli pertama melibatkan penjualan komoditi oleh Bank kepada Pelanggan secara pembayaran tertangguh pada kos ditambah keuntungan, di mana harga belian dan harga jualan dimaklumkan kepada Pelanggan. Seterusnya, Pelanggan melalui Bank sebagai ejen, akan menjual komoditi yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan segera.

*Wa'd* adalah janji sebelah pihak di mana Pelanggan memberi komitmen/akujanji kepada Bank untuk melakukan tindakan tertentu pada masa akan datang mengikut syarat yang dipersetujui.

*Murabahah* merujuk kepada penjualan dan pembelian komoditi secara tertangguh, di mana kos pembelian komoditi dan jumlah keuntungan Bank dimaklumkan kepada Pelanggan.

*Wakalah* ialah kontrak di mana satu pihak sebagai prinsipal (muwakkil) memberi kebenaran kepada pihak yang lagi satu sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan sesuatu tugas yang boleh diwakilkan sama ada dikenakan yuran atau tidak. Menurut produk ini, Bank akan menjadi wakil mutlak anda bagi menjalankan aturan *Tawarruq*.

Aturan urus niaga *Tawarruq* adalah seperti yang berikut:
i. Anda melantik Bank sebagai ejen anda untuk membeli komoditi patuh Syariah seperti Minyak Sawit Mentah (MSM) dan lain-lain daripada pihak Bank; dan juga untuk menjual komoditi tersebut kepada mana-mana pihak ketiga.
ii. Bank menjual komoditi yang dipersetujui kepada anda pada Harga Jualan Bank secara ansuran. Sebelum penyempurnaan penjualan ini, Bank akan memaklumkan anda melalui panggilan telefon atau menerusi SMS amaun yang diluluskan, Harga Jualan Bank dan tempoh Kemudahan.
iii. Sebagai pembeli komoditi, anda berhak untuk mengambil serahan komoditi tersebut dengan kos dan perbelanjaan ditanggung oleh anda sendiri.
iii. Pihak Bank menjual komoditi anda bagi pihak anda kepada mana-mana pihak ketiga pada harga yang bersamaan dengan Jumlah Kemudahan
v. Hasil jualan tersebut akan dibayar kepada anda selaras dengan terma dan syarat Kemudahan yang telah dipersetujui.

**3. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?**
- Jenis komoditi yang akan digunakan di dalam pembiayaan ini adalah: komoditi patuh Syariah yang didagangkan di platform dagangan yang diluluskan oleh AmBank Islamic Berhad.
- Jumlah pembiayaan: Minimum RM2,000; Maksimum RM100,000.
- Tempoh: Tempoh minimum pembiayaan selama 1 tahun; Tempoh maksimum pembiayaan sehingga 5 tahun (untuk pendapatan kurang daripada RM3,000), dan 8 tahun (untuk pendapatan lebih / sama RM 3,000).
- Kadar Keuntungan: Antara 8.00% Rata (14.13% Kadar Keuntungan Efektif berdasarkan tempoh 5 tahun) kepada 11.99% Rata (20.30% Kadar Keuntungan Efektif berdasarkan tempoh 5 tahun).
- Jumlah Keuntungan: Amaun Pembiayaan x Kadar Keuntungan Rata x Tempoh
- Contoh: RM 30,000 x 8.50% x 5 tahun = RM 12,750

**Kadar Keuntungan Efektif (%)**

| Kadar Keuntungan (%) | Tempoh (Bulan) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | 12 | 24 | 36 | 48 | 60 |
| 8.00 | 14.45 | 14.68 | 14.55 | 14.35 | 14.13 |
| 8.50 | 15.34 | 15.55 | 15.40 | 15.17 | 14.92 |
| 9.99 | 17.95 | 18.14 | 17.90 | 17.58 | 17.26 |
| 11.99 | 21.44 | 21.55 | 21.18 | 20.74 | 20.30 |

Note: Kadar keuntungan adalah tetap untuk keseluruhan tempoh pembiayaan. Jumlah akhir yang diluluskan, tempoh pembiayaan, dan kadar keuntungan adalah tertakluk kepada penilaian kredit anda. Harap maklum bahawa kadar yang tertera di atas adalah sebagai illustrasi sahaja dan kadar keuntungan yang muktamad mungkin berbeza, di antara 8.00% setahun sehingga 11.99% setahun.

**4. Apakah tanggungjawab kewangan saya?**
Kewajipan anda adalah untuk membayar ansuran bulanan secara tepat pada masanya (sebelum atau pada tarikh matang).
Ansuran bulanan dikira berdasarkan formula di bawah:

$$M = \frac{L + (L \times R \times T1)}{T2}$$

M - Bayaran Bulanan; L - Jumlah Pembiayaan
R - Kadar Keuntungan; T1 - Tempoh Tahunan; T2 - Tempoh Bulanan

Dengan menggunakan contoh yang sama dalam perkara di atas, bayaran yang kena dibayar sebulan adalah

$$M = \frac{RM30,000 + (RM30,000 \times 8.50\% \times 5)}{60} = RM712.50$$

**5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**
a. Duti Setem: seperti Akta Setem 1949 (Disemak 1989). Bayaran duti setem ialah 0.5% daripada jumlah pembiayaan yang dikeluarkan
b. Cas Bayaran Lewat: Rujuk Seksyen 6.

**6. Apa yang berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?**
a) Bank berhak untuk mengenakan dan menuntut daripada anda caj lewat bayar (*ta'widh*) atas kegagalan anda untuk membuat:
- bayaran ansuran tertunggak dan/atau jumlah yang dipersetujui untuk dibayar oleh anda kepada Bank; dan/atau
- pembayaran selepas tarikh luput atau pembatalan Kemudahan.

Caj lewat bayar akan dikira pada kadar di bawah:

1) <u>Sebelum tarikh matang</u>
**Kadar Caj Lewat Bayar Ke atas Amaun** : 1% setahun dikira atas dasar baki harian.
: (i) Ansuran tertunggak, akan dikira selepas tarikh akhir sehingga penyelesaian penuh ansuran tertunggak dan/atau;
(ii) Baki tertunggak, yang dikira dari tarikh pembatalan Kemudahan sehingga penyelesaian penuh baki tertunggak

2) <u>Selepas tarikh matang</u>
**Kadar Caj Lewat Bayar** : Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank secara Islam ("IIMM") setahun dikira atas dasar baki harian.
**Ke atas Amaun** : Baki tertunggak yang dikira dari tarikh matang sehingga penyelesaian penuh.

3) <u>Apabila Bank telah mendapat penghakiman terhadap anda</u>
**Kadar Caj Lewat Bayar** : Pada Kadar IIMM setahun yang dikira atas dasar baki harian dari tarikh penghakiman mahkamah sehingga tarikh penyelesaian.
**Ke atas Amaun** : Baki tertunggak (tidak termasuk kos guaman dan caj lewat bayar seperti yang dinyatakan di dalam penghakiman) yang dikira dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh jumlah penghakiman.

Nota: (i) Caj lewat bayar tidak boleh dikompaun.
(ii) Jumlah caj lewat bayar tidak boleh lebih daripada amaun prinsipal tertunggak.
(iii) Caj lewat bayar dan kaedah pengiraan adalah tertakluk kepada perubahan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.
(iv) Baki tertunggak merujuk kepada baki prinsipal dan keuntungan diperolehi.
(v) Caj lewat bayar adalah kumulatif dan tertakluk kepada tempoh berkenaan.

b) Tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal memberi maklumbalas kepada notis peringatan. Bank berhak untuk memulakan mana-mana atau kesemua langkah pengutipan berikut:-
- Semakan: Bank mengekalkan hak mutlak untuk mengkaji semula dan menamatkan Kemudahan yang diberikan kepada anda sekiranya terdapat petunjuk bahawa Kemudahan sedang digunakan untuk aktiviti-aktiviti yang tidak mematuhi Syariah atau apabila terdapat sebarang kejadian mungkir yang lain seperti mana yang telah dipersetujui dalam perjanjian pembiayaan.
- Hak penolakan: Bank mempunyai hak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun anda yang dikendalikan dengan Bank terhadap sebarang baki belum jelas dalam akaun pembiayaan ini.
- Perampasan: Harta anda mungkin dirampas dan anda perlu menanggung semua kos termasuk tetapi tidak terhad kepada kos untuk mengambil apa-apa pengutipan hutang pihak ketiga dan kos berhubung dengan perampasan serta proses kebankrapan. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan selepas harta anda dijual.
- Kebankrapan: Anda mungkin tertakluk kepada prosiding kebankrapan jika jumlah tertunggak mencapai had tertentu. Kesan apabila dihukum bankrap mungkin mengakibatkan pembekuan dan penyitaan aset anda.

c) Tindakan undang-undang terhadap anda boleh menjejaskan penarafan kredit anda dan menyebabkan permohonan kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.

**7. Adakah saya perlu membayar sebarang yuran tambahan jika saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?**
Tiada yuran penyelesaian awal akan dikenakan. Namun begitu, sila berikan Bank notis bertulis satu (1) bulan terdahulu di mana-mana cawangan AmBank Islamic / AmBank untuk memproses permintaan penyelesaian awal anda.

**8. Adakah saya akan diberikan *Ibra'* (rebat)??**
Bank akan memberi *Ibra'* (rebat), sekiranya ada, ke atas baki amaun Harga Jualan Bank yang masih belum dijelaskan oleh anda berdasarkan kepada penyelesaian penuh Kemudahan dalam situasi berikut:
(i) Penebusan atau prabayaran Kemudahan.
(ii) Disebabkan penstrukturan semula Kemudahan.
(iii) Di dalam kes kemungkiran oleh anda.
(iv) Di dalam situasi penamatan atau pembatalan Kemudahan sebelum tarikh luput.

*Ibra'* (rebat) akan dikira berdasarkan formula di bawah atau pengiraan formula sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia:

*Ibra'* (rebat) = keuntungan tertunda – caj penyelesaian awal

Bagi mengelakkan keraguan, adalah dengan ini diakui dan dipersetujui bahawa rebat yang disebut di dalam ini tidak akan ditafsirkan dalam apa-apa cara jua sebagai rebat tunai yang perlu dibayar kepada anda, tetapi akan ditunjukkan sebagai pengurangan kadar keuntungan dalam Kemudahan ini.

**9. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?**
Penjamin atau cagaran tidak diperlukan.

**10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya??**
Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang pertukaran maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan segala urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**11. Bagaimana jika saya ingin mendapatkan sebarang bantuan dan khidmat nasihat?**
- Sekiranya anda mempunyai masalah dalam membuat bayaran, anda perlu hubungi kami dengan kadar segera. Sila hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan kami di talian:
  P.O. BOX 12938, 50794 Kuala Lumpur.
  Tel: 03-2178 8888 Faks: 03-2171 3171 E-mel: customercare@ambankgroup.com
  Atau layari: www.ambank.com.my
- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma terhadap pengurusan wang, kaunseling kredit, dan penyusunan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:
  Tingkat 8, Maju Junction Mall, 1001 Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur.
  Tel: 03-2616 7766 E-mel: enquiry@akpk.org.my
- Sekiranya terdapat sebarang aduan atau pertanyaan berkaitan produk dan perkhidmatan kami, sila hubungi:
  P.O. BOX 12938, 50794 Kuala Lumpur.
  Tel: 03-2178 8888 Faks: 03-2171 3171 E-mel: customercare@ambankgroup.com
  Atau layari: www.ambank.com.my
- Sekiranya maklumbalas kami ke atas sebarang aduan dan pertanyaan anda kurang memuaskan, anda boleh merujuk kepada:
  (i) BNMLINK
  Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) & Pejabat Wilayah
  Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur
  Tel: BNMTELELINK at 1-300-88-5465 E-mel: bnmtelelink@bnm.my
  (ii) Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia
  Tingkat 4, Menara Bumiputra
  21 Jalan Melaka 50100 Kuala Lumpur
  Tel: 03-2026 8002 E-mel: staff@aibim.com
  (iii) Ombudsman Perkhidmatan Kewangan
  Aras 14, Blok Utama
  No. 4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur
  Tel: 03-2272 2811 E-mel: enquiry@ofs.org.my

**12. Lain-lain kemudahan Pembiayaan Peribadi yang disediakan?**
Pembiayaan Peribadi-i AmBank Islamic untuk kakitangan kerajaan atau badan-badan berkaitan kerajaan sahaja.

Maklumat yang disediakan dalam Helaian Pendedahan Produk ini adalah sah mulai [December 2018]. Semua pengiraan dan maklumat adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk kepada terma dan syarat. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua harga / sebut harga yang dinyatakan dalam dokumen ini adalah tidak termasuk Cukai yang mana jika berkenaan hendaklah ditanggung oleh anda.

Penafian: Amaun pembiayaan sebenar yang akan diberi oleh AmBank Islamic Berhad adalah bergantung pada penilaian kredit anda oleh AmBank Islamic Berhad. Penyampaian Helaian Pendedahan Produk ini kepada anda tidak mewujudkan sebarang kewajipan oleh AmBank Islamic Berhad untuk memberi anda apa-apa kemudahan.

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN BAGI AKAUN PEMBIAYAAN PERIBADI ANDA DENGAN SEWAJARNYA.**